

## **BOLEH BERDENGKI DALAM PERKARA YANG MEMBAWA KEBAIKAN**

Oleh: Nurnasuha binti Hashim, 1171113

Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia

*Disiarkan pada 12 Mei 2020*

Allah SWT melarang hamba-hamba-Nya berhasad dengki sesama sendiri. Sifat buruk ini perlu di jauhi kerana ia tidak mendatangkan sebarang kebaikan pun terhadap diri sendiri dan masyarakat.

Firman Allah SWT: *“Dan janganlah kamu iri hati terhadap apa yang dikurniakan Allah kepada sebahagian kamu lebih banyak dari sebahagian yang lain. Kerana bagi orang lelaki, ada sebahagian daripada apa yang mereka usahakan, dan bagi para wanita (pun) ada bahagian dari apa yang mereka usahakan. Mohonlah kepada Allah sebahagian dari kurniaan-Nya. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala sesuatu.”* (Surah An-Nisa: 32)

Selain itu, daripada Abu Hurairah bahawa Nabi SAW bersabda yang bermaksud: *“Jauhilah hasad (dengki) kerana hasad dapat memakan kebaikan seperti api memakan kayu bakar.”* (Hadis Riwayat Abu Daud)

Hasad dengki menurut Islam membawa maksud kepada perbuatan yang sangat dibenci oleh Allah SWT. Ia merupakan salah satu sifat mazmumah di mana niat untuk membinasakan orang lain dengan menginginkan sesuatu perkara atau kelebihan yang ada pada orang lain dan pada masa yang sama, menginginkan kelebihan tersebut hilang daripadanya.

Walaupun hasad dengki adalah dilarang, dalam beberapa keadaan ia dibolehkan dalam Islam dengan tujuan membawa kebaikan.

Pandangan ini selari dengan hadis yang diriwayatkan oleh Abdullah Ibn Mas'ud bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: *“Tidak digalakkan adanya perasaan iri hati melainkan pada dua keadaan. Pertama, keadaan orang yang dikurniakan Allah harta benda dan membelanjakannya kepada perkara kebajikan. Kedua, keadaan orang yang dikurniakan ilmu pengetahuan agama lalu ia beramal dengannya dan mengajarkannya.”* (Riwayat Bukhari, Muslim dan Tarmizi)

Jelaslah bahawa kita dibolehkan mempunyai perasaan hasad dengki atas perkara-perkara yang membawa kepada kebaikan dan boleh menimbulkan keinginan kepada orang lain untuk membuat kebaikan di samping mendekati diri kepada Allah SWT.

Sebagai contoh, kita boleh berdengki terhadap pendakwah bebas, Ustaz Ebit Lew yang giat membantu orang ramai dari segi menyampaikan bantuan kebajikan. Mereka yang tidak memahami niatnya berkongsi gambar-gambar kegiatan kebajikan yang dilakukan dalam media sosial mungkin tersalah sangka Ustaz Ebit ingin menunjuk-nunjuk.

Sepatutnya, kita melihat apa yang dilakukan beliau dari sudut positif. Usaha Ustaz Ebit membantu golongan kurang bernasib baik tanpa mengira kaum dan agama merupakan pendekatan berdakwah secara lembut terhadap masyarakat.

Perkongsian Ustaz Ebit tentang kegiatan kebajikan yang dilakukannya berupaya mencetuskan perasaan dengki yang positif dalam kalangan umat Islam di negara ini. Contohnya, saya sendiri lebih kerap bersedekah setelah melihat amal kebajikan yang diusahakan oleh Ustaz Ebit.

Sudah tentu ramai anggota masyarakat yang mempunyai perasaan ‘dengki’ yang serupa akan berasa tercabar dan ingin mengikut jejak langkah Ustaz Ebit untuk berbakti kepada masyarakat.

Perasaan dengki seperti inilah yang dituntut dalam Islam kerana ia boleh membawa kepada kebaikan dan menggalakkan orang ramai untuk berlumba-lumba melakukan aktiviti yang memberi manfaat kepada orang ramai.

Sedarlah bahawa sifat dengki yang positif boleh membawa kepada kebaikan terhadap diri sendiri dan masyarakat. Sebaliknya, jauhilah hasad dengki yang bertujuan menjatuhkan serta memudaratkan orang lain.

